



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA SEMPENA HARI KUSTA SEDUNIA TAHUN 2018

Hari Kusta Sedunia disambut pada hari ahad di minggu terakhir setiap Januari sempena tarikh kematian Mahatma Gandhi, seorang pemimpin India yang amat prihatin dengan penderita penyakit kusta. Tujuan sambutan adalah bagi meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab semua ke arah pembasmian penyakit ini. Sambutan Hari Kusta di Peringkat Kebangsaan pada tahun ini akan disambut serentak bersama dengan Sambutan Hari Tibi dengan Tema **“KE ARAH MALAYSIA BEBAS TIBI DAN KUSTA: KESAN AWAL DAN PASTIKAN SEMBUH”**.

Kusta adalah penyakit berjangkit yang boleh disembuhkan kerana ianya berpunca dari kuman bakteria yang menyerang saraf, kulit, lapisan mukosa dan boleh mengakibatkan kecacatan anggota seperti kaki, tangan dan mata jika tidak dirawat. Sebarang tompok-tompok di kulit yang hilang/kurang sentuhan rasa, tidak gatal, tidak berpeluh perlu disahkan doktor bukannya kusta apatah lagi jika ianya telah lama dan tidak pulih dengan rawatan sebelumnya.

Setiap tahun dianggarkan lebih dari 200 ribu kes baharu kusta dilaporkan di dunia di mana lebih dari 80 peratus kes itu adalah dari India, Brazil dan Indonesia. Di Malaysia, bilangan kes baharu kusta menunjukkan tren penurunan di mana tahun 2012 (325 kes), 2013 (306 kes), 2014 (308 kes), 2015 (210 kes) dan 2016 (206 kes). Namun begitu bagi tahun 2017, sebanyak 214 kes baharu telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 3.8% berbanding tahun 2016. 13 kes darinya adalah kes kanak-kanak (6%) yang menunjukkan masih lagi terdapat jangkitan baharu kusta dalam komuniti. Terdapat 6 kes baharu yang dikesan itu adalah dengan Kecacatan Gred 2 (G2D).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus merancang dan melaksanakan aktiviti untuk mengawal penyakit kusta. Latihan bagi meningkatkan kecekapan kakitangan kesihatan dan wakil masyarakat dalam mengesan kes kusta akan terus dipergiatkan. Pelan Strategik kusta Kebangsaan 2016 – 2020 berdasarkan cadangan *Global Leprosy Strategy 2016 -2020* dari pihak WHO akan digunapakai sebagai panduan ke arah mencapai Malaysia Bebas Kusta suatu hari nanti.

Sekian, terima kasih

YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM

Menteri Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
28 Januari 2018

JADUAL 1: TABURAN KES BAHARU KUSTA 2017 MENGIKUT NEGERI-NEGERI

	BUKAN WARGANEGARA		WARGANEGARA		JUMLAH
JOHOR	9	4.2%	11	5.1%	20
KEDAH		0.0%	3	1.4%	3
KELANTAN	1	0.5%	8	3.7%	9
NEGERI SEMBILAN	1	0.5%	6	2.8%	7
PAHANG	4	1.9%	15	7.0%	19
PERAK	2	0.9%	8	3.7%	10
PERLIS	1	0.5%	2	0.9%	3
PULAU PINANG	1	0.5%	2	0.9%	3
SABAH	35	16.4%	37	17.3%	72
SARAWAK	3	1.4%	9	4.2%	12
SELANGOR	10	4.7%	24	11.2%	34
TERENGGANU	1	0.5%	10	4.7%	11
WP KUALA LUMPUR	5	2.3%	5	2.3%	10
WP LABUAN	1	0.5%		0.0%	1
MALAYSIA	74	34.6%	140	65.4%	214

JADUAL 2: KES KUSTA KANAK-KANAK 2017 MENGIKUT PECAHAN UMUR

NEGERI	UMUR							JUMLAH
	3	8	10	11	12	13	14	
KELANTAN	1		1					2
PAHANG							1	1
SABAH	1	2			2	1	3	9
TGANU				1				1
MALAYSIA	2	2	1	1	2	1	4	13

JADUAL 3 : KES BAHARU KUSTA 2017 DENGAN G2D

SABAH	3
SELANGOR	2
WPKL	1
MALAYSIA	6